

**UCAPAN PERASMIAN
YBHG. DATO' ABDUL FATTAH ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PENYERAHAN DOKUMEN PEMBIAYAAN
YAYASAN ANGKASA
9 FEBRUARI 2019 (SABTU)
9.30 PAGI
AUDITORIUM, ANGKASA**

Assalamualaikum WRB,

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua pelajar yang telah berjaya mendapat pembiayaan pendidikan Yayasan ANGKASA dan ibubapa di atas perkongsian kegembiraan ini, alhamdulillah ini adalah pembuka laluan dan hala tuju ke arah kecemerlangan pendidikan anak-anak demi mengorak langkah ke masa hadapan yang lebih cemerlang. Kegembiraan ibubapa bukan hanya apabila mendapat tahu anak-anak dapat melangkah masuk ke institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta tetapi juga berjaya mendapat pembiayaan Yayasan ANGKASA ini juga merupakan satu cara bagi meringankan

beban menampung kos pengajian anak-anak selama empat tahun di institusi pengajian masing-masing. Tidak lupa juga saya mengucapkan tahniah kepada pelajar pendidikan jarak jauh iaitu warga bekerja yang telah mengambil pendekatan yang jitu bagi meningkatkan taraf kerjaya dibidang kerja masing-masing dengan menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan tidak jemu menimba ilmu bagi menjalankan amanah terhadap diri dan keluarga masing-masing.

YAYASAN ANGKASA merupakan anak syarikat ANGKASA yang telah diluluskan pada tahun 2012 bagi meneruskan peranan TAPAK iaitu tabung pendidikan ANGKASA yang berperanan bagi memperkasakan taraf pendidikan dan pembangunan modal insan warga koperasi dengan membantu melahirkan golongan yang berpengetahuan dan berkemahiran yang boleh menyumbang kepada gerakan koperasi dan masyarakat amnya. Secara umumnya, Yayasan ANGKASA bertanggungjawab dalam menyediakan kemudahan pembiayaan, boleh ubah kepada biasiswa untuk anggota koperasi dan anak anggota koperasi, yang melanjutkan pengajian sepenuh masa, separuh masa ,

Pendidikan Jarak Jauh samada di peringkat Ijazah Sarjana Muda , Master dan PhD di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di dalam negara.

Data Statistik Pelajar Yayasan ANGKASA Dari Tahun 2000 Hingga 2018

Bilangan Pelajar	944 orang
Jumlah Pengambilan 2018	112 orang
Jumlah Peruntukan 2000 hingga 2018	RM 12.6 juta
Jumlah Pinjaman Di Tukar Kepada Biasiswa	RM 8.23 juta / 70% daripada jumlah pinjaman

Bagi memastikan budaya kecemerlangan di kalangan pelajar-pelajar Yayasan ANGKASA menyediakan 3 program tahunan yang wajib dihadiri oleh pelajar-pelajar iaitu:-

- i. Program motivasi (untuk pelajar baru)
- ii. Program kaunseling (bagi pelajar mendapat nilai gred dibawah 2.80)
- iii. Kursus persediaan mendapatkan pekerjaan (pelajar tahun akhir)

Kesemua program ini di atur semasa cuti semester. Yayasan ANGKASA memperuntukkan belanja hampir RM150,000 untuk ke semua program tersebut setiap tahun.

ANGKASA merupakan penyumbang utama yang menyalurkan peruntukkan kepada Yayasan ANGKASA dengan jumlah sumbangan sebanyak RM 1 juta setiap tahun kepada Yayasan ANGKASA , peruntukkan ini adalah untuk disalurkan kepada pembangunan pendidikan anggota serta anak-anak anggota koperasi. Ini demi memastikan misi memperkasakan taraf pendidikan dan pembangunan modal insan warga koperasi dapat dicapai.

Saya menyeru kepada para pelajar agar berusaha dengan lebih gigih bagi mendepani cabaran dunia global dalam menongkah arus pendidikan yang semakin mencabar, aturlah langkah demi langkah untuk menggapai impian dalam meniti perjuangan yang murni iaitu menuntut ilmu yang sudah pasti akan membawa perubahan kepada kehidupan yang lebih terjamin dan sempurna .

ANGKASA akan sentiasa melaksanakan tanggungjawab kepada anggota dan anak-anak anggota melalui Yayasan ANGKASA, berteraskan pendidikan dengan memberikan pembiayaan boleh ubah kepada biasiswa, dan ini adalah untuk memberi peluang kepada mereka untuk menggapai impian ke menara gading bagi menuntut ilmu dan menentukan masa hadapan negara kelak, kerana golongan inilah sebahagiannya akan berperanan sebagai tunggak pentadbiran negara dan berada di sektor-sektor utama negara.

Pembiayaan Yayasan ANGKASA yang boleh ditukarkan sebagai biasiswa adalah merupakan satu anugerah daripada ANGKASA kepada anak-anak anggota koperasi di atas prestasi dan pencapaian yang cemerlang di dalam pendidikan , ini juga merupakan salah satu cara memberi motivasi agar pelajar sentiasa berada ditahap tertinggi dan mencapai keputusan yang cemerlang.

Di dalam mendepani abad 2020 ANGKASA sebagai tunggak utama telah memainkan peranan didalam memperkasakan 8 sektor utama perniagaan iaitu Sektor pembangunan Dan

Perkhidmatan Kewangan, Sektor Inovasi Dan Teknologi , Sektor Peruncitan Dan Pemborongan, Sektor Pelancongan , Penjagaan Diri Dan Kesihatan, Sektor Perladangan, Sektor Pertanian Dan Industri Asas Tani, Sektor Pembangunan Hartanah dan Sektor Pembangunan komuniti dan saya berharap pelajar-pelajar ini setelah tamat pengajian mungkin sebahagianya boleh menjadi keluarga besar koperasi samada bekerja dibidang koperasi atau meyumbangkan pengetahuan bagi pembangunan koperasi amnya bagi meningkatkan pendapatan KDNK negara melalui aktiviti perniagaan koperasi.

Saya juga menyeru kepada ibubapa, ahli koperasi dan kepada semua koperasi diseluruh negara agar memainkan peranan secara bersama-sama bagi saling bantu membantu dan berkongsi serta menyokong kepada pembangunan pendidikan anak-anak koperasi dengan memberikan sumbangan kepada tabung dana pendidikan Yayasan ANGKASA kerana dengan kerjasama yang kukuh ini akan membina kekuatan bersama dan saling menjaga ukhuwah sesama anggota koperasi dan yang paling penting membantu anak-anak ahli koperasi yang bakal menerima pembiayaan pendidikan boleh ubah kepada

biasiswa agar mendapat pembiayaan maksima bagi menampung pengajian mereka dan penyumbang juga berada di dalam keadaan menang-menang kerana sumbangan tuan-tuan dan puan-puan akan diberi pengecualian cukai pendapatan oleh LHDN dibawah subseksyen 44 (6B) akta cukai pendapatan 1967 , kerjasama yang kukuh akan membina kekuatan dan memberi kelebihan kepada masyarakat koperasi khususnya.

Akhir kata sekali lagi saya rakamkan ucapan tahniah ,semoga para pelajar ini akan menggapai ke tahap pendidikan yang tertinggi dan berjaya membina kerjaya pada masa hadapan dan membantu negara menuju ke arah negara maju, terus makmur dan sejahtera, sekian wassalamualaikum WRB.